

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
KAWASAN : TENOM

SOALAN:

YB. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk tujuan menaik taraf jambatan dan jalan raya di P.181 Tenom.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jambatan di Jalan Tenom – Kemabong itu ialah merujuk kepada projek menggantikan jambatan lama merentasi Sungai Padas di KM164 Jalan Tenom – Kota Kinabalu, Sabah. Skop projek itu melibatkan pembinaan sebuah jambatan baru *single carriageway* sepanjang 162 meter dan jalan tuju sepanjang 200 meter dengan reka bentuk piawaian JKR, R5. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM25 juta. Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sedang dalam proses melantik juru perunding untuk melaksanakan reka bentuk terperinci projek berkenaan. Berdasarkan perancangan projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2016, tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.